Kalendar Peristiwa
Julai - September 2004

13 Julai 2004
Mesyuarat pertama Pihak Berkuasa Pengawalan dan Pengawalseliaan Takaful dan Insurans Lapan Negara Membangun (D-8) telah diadakan di Kuala Lumpur. Bank telah menganjurkan mesyuarat tersebut untuk membincangkan perkembangan dalam industri takaful dan insurans di lapan buah negara tersebut, di samping menubuhkan mekanisme kerjasama antara pihak berkuasa pengawalan dan pengawalseliaan takaful dan insurans negara terbabit.

3 Ogos 2004
Gabenor telah menyampaikan ucapan pembukaan di Persidangan Euromoney yang bertemakan *"Remaking Malaysia: Investing in the New Malaysia".* Dalam ucapan tersebut, beliau menyatakan bahawa strategi yang perlu untuk memastikan kekukuhan prestasi pertumbuhan negara dapat dikekalkan dengan memberikan tumpuan kepada keupayaan ekonomi serta bidang yang negara ini mempunyai kelebihan, bagi menjamin kelebihan bandingan tersebut. Seterusnya, proses ke arah pengimbangan semula ekonomi (antara sektor swasta dan awam) bagi meningkatkan daya saing, akan terus ditingkatkan dan diperluaskan.

4 Ogos 2004
Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Majlis Anti-Pengubahan Wang Haram Filipina. MOU tersebut bertujuan memudahkan pertukaran maklumat dan perkongsian perisikan kewangan antara kedua-dua organisasi bagi membanteras aktiviti pengubahan wang haram.

13 Ogos 2004
Mesyuarat pertama Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan, yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri telah diadakan di Putrajaya. Majlis tersebut merupakan badan penggubal dasar tertinggi bagi menetapkan hala tuju masa hadapan dan strategi untuk pembangunan PKS. Penubuhannya merupakan hasil cadangan Bank untuk menyelaraskan usaha pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan PKS, di samping mempercepat proses pengukuhan infrastruktur sokongannya.

20 Ogos 2004
Bank mengumumkan penerbitan keempat Bon Simpanan Merdeka yang berjumlah RM500 juta yang telah diterbitkan pada 1 Oktober 2004. Bon tersebut merupakan instrumen tabungan tambahan kepada warga emas, anggota Angkatan Tentera Malaysia yang telah bersara, serta rakyat Malaysia yang telah bersara atas sebab kesihatan.

25 Ogos 2004

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah tumbuh pada kadar 8.0% pada suku kedua tahun 2004. Pertumbuhan suku tahunan tersebut adalah yang tertinggi sejak suku ketiga tahun 2000. Pertumbuhan tersebut meliputi semua sektor, dengan diterajui sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kombinasi perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh dan pertumbuhan permintaan luar yang terus tinggi telah menghasilkan pertumbuhan KDNK bagi separuh tahun pertama sebanyak 7.8%.

Pernyataan Dasar Monetari mengumumkan bahawa dalam suasana kadar inflasi domestik yang rendah, dasar semasa monetari akan terus dikekalkan untuk menyokong pertumbuhan.

Gabenor telah menyampaikan ucaptama di Persidangan mengenai Pembangunan Perbankan dan Pasaran Modal Islam anjuran ASLI *(Asian Strategy and Leadership Institute)*. Ucaptama tersebut menyatakan pengukuhan infrastruktur ialah syarat awal yang utama untuk pembangunan sebuah sistem kewangan Islam yang dinamik dan progresif. Beliau turut menyenaraikan beberapa pembangunan yang telah dicapai dalam sektor perbankan dan kewangan Islam negara.

3 September 2004

Bank telah mengumumkan perubahan layanan pengawalan yang diberikan kepada sekuriti hutang Cagamas baru yang diterbitkan selepas 4 September 2004. Ini bertujuan untuk terus meningkatkan kecekapan fungsi pasaran bon tempatan. Langkah tersebut akan menggalakkan penetapan harga yang lebih berdasarkan kepada pasaran, di samping meningkatkan minat pelabur dalam sekuriti hutang baru tersebut, yang baik untuk perkembangan pasaran bon yang pesat.

21 September 2004

Gabenor telah menyampaikan ucaptama di Sidang Kemuncak Perbankan dan Kewangan Islam Asia di Kuala Lumpur. Dalam ucaptama tersebut, beliau telah memaklumkan mengenai strategi dan cabaran dalam usaha mengintegrasikan sistem kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa.